

Sistem penggera banjir

u.m m/s 8
16.1.07

Usaha mewujudkan sistem penggera ini juga diberi perhatian oleh badan-badan penyelidikan di negara kita termasuk institusi pengajian tinggi awam dan swasta untuk manfaat bersama



BANJIR gelombang kedua yang melanda Johor, beberapa kawasan di Pahang dan Sabah sememangnya membawa trend yang agak berbeza berbanding fenomena banjir di kawasan Pantai Timur.

Banjir yang tidak diduga kesannya ini sehingga kini melibatkan lebih 100,000 mangsa dipindahkan di Johor, 2,447 orang di Pahang dan 3,642 di pusat pemindahan di Sabah.

Hujan lebat yang dijangka berterusan sehingga lusa mungkin menyumbang kepada banjir gelombang kedua fasa kritikal yang pasti melibatkan lebih ramai dipindahkan di pusat pemindahan banjir.

Kita tentu tidak lupa kejadian banjir besar yang melanda negara pada Disember tahun 1970. Bencana alam itu turut melanda kampung penulis iaitu Kampung Linggi sebuah perkampungan Bugis yang terletak di daerah Port Dickson. Di situ mengalirnya Sungai Linggi, sungai terbesar dan terpanjang di Negeri Sembilan.

Ada pendapat ahli kaji cuaca dan pakar pengkaji alam-mengatakan banjir besar akan berlaku setiap 10 tahun sekali. Itu putarannya setakat ini hasil data yang telah dikumpul dan dikaji. Tetapi tiada siapa yang dapat mengiakan teori tersebut dan menerimanya secara mutlak kerana kejadian Allah s.w.t memang terlalu sukar untuk diramal oleh manusia secara tepat. Tetapi usaha saintifik oleh manusia akan mesti diteruskan untuk kebaikan manusia sejagat.

Bagi penduduk di negeri-negeri yang tidak pernah dilanda banjir besar, kejadian terbaru ini merupakan suatu kejutan dan impaknya mungkin besar dari segi aspek psikologi. Mungkin ia menjadi suatu fobia bagi sesetengah individu lebih-lebih lagi ketika hujan turun tidak berhenti-henti. Namun, kita percaya dan berharap mereka ini akan tetap tabah dan mampu meneruskan kehidupan dengan lebih bermakna lagi.

Memang sudah diakui manusia tidak

berupaya melawan kuasa Tuhan dengan kejadian alam yang diciptanya dan kita menerima seadanya dan akan terus berusaha menyelamatkan harta benda dan nyawa semampu yang terdaya. Kita mesti ingat bahawa manusia itu diberi akal untuk berfikir dan melakukan sesuatu yang terbaik untuk kebaikan kehidupan di dunia ini. Paling penting nyawa harus diselamatkan terlebih dahulu kerana harta boleh dicari dan diganti kemudian.

Jika sistem amaran awal diwujudkan untuk memberi peringatan kepada orang ramai mengenai bencana tsunami, sistem yang sama fungsinya mesti digerakkan untuk membolehkan mangsa banjir lebih bersedia.

Dengan adanya sistem amaran banjir ini orang ramai pasti mempunyai masa yang mencukupi untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda mereka.

Manfaat

Usaha mewujudkan sistem penggera ini juga diberi perhatian oleh badan-badan penyelidikan di negara kita termasuk institusi pengajian tinggi awam dan swasta untuk manfaat bersama.

Kita berharap cabaran ini dapat disambut baik oleh para penyelidik tempatan. Biar pun penyelidikan yang dicadangkan mengambil masa lima hingga 10 tahun, ia mesti diusahakan mulai sekarang secara bersungguh-sungguh. Sebagai contoh, sistem amaran awal mengesan tsunami berjaya dihasilkan oleh para saintis dan dapat memberi amaran awal sebelum tsunami melanda sesuatu kawasan.

Banjir teruk juga disebabkan sikap manusia yang rakus dalam konteks membangunkan kawasan perindustrian dan perumahan tanpa mengambil kira kepentingan alam sekitar, saliran air dan kesan ekologi. Mereka lebih mementingkan keuntungan melebihi penyelesaian kehidupan manusia. Suhu global dunia masa kini telah berubah dan udara menjadi panas dengan peningkatan 2 darjah Celsius. Kajian menunjukkan kemungkinan dunia akan



PEMANDANGAN bandar Kota Tinggi yang ditenggelami air sehingga menjejaskan urusan harian penduduk di situ.

bertambah panas kepada 5 darjah atau lebih di abad ke-21. Kecairan pola ais akan meningkatkan lagi tahap air laut, sementara kepanasan global boleh mengakibatkan lebih banyak lagi ribut petir dan seterusnya akan mengganggu corak iklim yang membawa hujan ke kawasan pertanian. Walaupun kajian tersebut lebih bersifat spekulatif tetapi kita tetap boleh bergantung kepada dapattannya.

Bencana alam seperti banjir, gempa bumi, gunung berapi, tsunami, ribut taufan akan terus berlaku. Kita yang berada di muka bumi ini akan terus dan mahu meneruskan kehidupan walaupun terpaksa menghadapi rintangan yang penuh mencabar.

Impak daripada bencana alam sudah tentu memberi kesan yang mendalam terhadap kehidupan dinihari sama ada dari segi kebudayaan, psikologi, sosiologi dan juga ekonomi. Persoalannya sama ada manusia akan berubah atau akan terus berada di takuk lama? Juga perlu dilihat sama ada sikap dan anjakan minda manusia akan berlaku selepas satu-satu bencana itu berakhir? Atau pun manusia masih lagi dengan sikap degilnya tidak mahu mengambil iktibar daripada bencana yang berlaku? Se-

muanya ini memerlukan anjakan paradigma secara beransur-ansur dan kalau hendak melihat perubahan minda secara mendadak memang jauh sekali.

Kalau kita lihat banjir selalunya berlaku pada bulan Disember sebelum masuknya sesuatu tahun baru. Kejadian banjir seakan-akan kena pada masanya untuk manusia berfikir dan melakukan sesuatu pada tahun berikutnya. Ia ibarat banjir yang datang, "Sekali air bah, sekali pasir berubah". Tetapi kita kurang pasti manusia yang diibaratkan sebagai pasir tadi mampu berubah sepenuhnya. Maka akan datanglah banjir saban tahun dan mengharap kan pasir akan berubah! Banjir pada skala biasa mungkin pasir tidak banyak berubah, tetapi bagi banjir besar seharusnya membuat pasir akan banyak berubah sama ada dari segi warna pasir itu sendiri, kepadatan pasir, kedudukan lokasi pasir secara keseluruhan atau kesemuanya sekali!

□ HAMDAN AHMAD ialah pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam.